

## Pemerkasaaan Ekonomi (Keusahawanan) Wanita OKU Fizikal: Cabaran Memulakan Perniagaan

### *Economic Empowerment (Entrepreneurship) of Physically Disabled Women: Challenges of Starting a Business*

ABDUL RAHMAN AHMAD BADAYAI, EZARINA ZAKARIA & AIZAN SOFIA AMIN

#### ABSTRAK

Makalah ini akan membincangkan penemuan kajian yang telah dijalankan bagi meneroka cabaran wanita kurang upaya (OKU) fizikal dalam keusahawanan. Skop penerokaan melibatkan fasa permulaan perniagaan yang memerlukan informan menceritakan pengalaman berhadapan cabaran awal dalam perniagaan. Kajian direkabentuk menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan pengumpulan data menggunakan kaedah Kumpulan Perbincangan Berfokus (Focus Group Discussion). Lokasi kajian melibatkan empat zon Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Seramai 34 orang wanita OKU fizikal yang merupakan peniaga telah dipilih untuk ditemubual. Pemilihan informan dibuat secara bertujuan dengan memilih penerima geran pelancaran Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Analisis tematik yang dijalankan menunjukkan terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi oleh informan ketika fasa memulakan perniagaan iaitu: i- kurang akses kepada maklumat, ii- implikasi ketidakupayaan fizikal dan iii- cabaran dwi-peranan. Hasil kajian memberi implikasi terhadap usaha pihak berkepentingan meningkatkan pencapaian memperkasakan wanita OKU fizikal dalam memulakan perniagaan. Di samping itu, makalah ini turut membincangkan justifikasi ilmiah kepada cadangan bagi pembinaan Model Pemerkasaaan Ekonomi (Keusahawanan) Wanita OKU Fizikal sebagai output kajian ini.

Kata kunci: Wanita; kurang upaya fizikal; cabaran; memulakan perniagaan; keusahawanan

#### ABSTRACT

This paper will discuss the findings of a study that has been conducted to explore the challenges of women with physical disabilities (OKU) in entrepreneurship. The scope of the exploration involves the start-up phase of the business which requires the informant to tell the experience of facing initial challenges in the business. The study was designed using a fully qualitative approach with data collection using the Focus Group Discussion method. The study location involves four Malaysian zones, namely the North, East, Central and South zones. A total of 34 physically disabled women who are traders were selected to be interviewed. The selection of informants was made purposefully by choosing the recipients of the Malaysian Social Welfare Department's launch grant. The thematic analysis carried out shows that there are three main challenges faced by informants during the phase of starting a business, namely: i- lack of access to information, ii- implications of physical disability and iii- dual role challenges. The results of the study give implications to stakeholders' efforts to improve the achievement of empowering women with physical disabilities in starting a business. In addition, this paper also discusses the scientific justification for the proposal for the construction of the Economic Empowerment Model (Entrepreneurship) for Physically Disabled Women as an output of this study.

Keywords: Women; physically disabled; challenges; start-up business; entrepreneurship

#### PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU), sentiasa terdedah kepada rintangan dan halangan dalam kehidupan harian mereka. Kurang upaya menggambarkan keadaan yang mana fungsi dan keupayaan seseorang itu berkurangan jika dibandingkan dengan individu

biasa yang lengkap fizikal serta keupayaan mereka (Nur Dayana Mohd Khalil et al. 2022; Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya dan Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022). Ini merujuk kepada fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual dan kesihatan mental. Kehilangan upaya

boleh wujud sejak lahir atau timbul kemudiannya. Mereka yang menghadapi keadaan ini digelar Orang Kurang Upaya atau Orang Kelainan Upaya (OKU) (Charmilaa Krishnamoorthi 2021; Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya dan Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022).

Menurut Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya dan Muhammad Muqris Alif Zairiasdi (2022) data rasmi bilangan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar pada tahun 2018 mengikut kategori ketidakupayaan adalah seramai 497,390 orang. Jumlah jenis-jenis ketidakupayaan yang ada di Malaysia adalah seperti berikut; ketidakupayaan dari segi pendengaran ialah seramai 44,523 orang, ketidakupayaan penglihatan iaitu seramai 36,171 orang serta kurang upaya fizikal iaitu seramai 179,222 orang. Manakala, seramai 2,572 OKU menghadapi masalah pertuturan, 41,218 orang pula mengalami ketidakupayaan dari segi mental manakala 23,415 orang mengalami lain-lain jenis ketidakupayaan (Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya & Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022).

Selanjutnya, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 (Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya dan Muhammad Muqris Alif Zairiasdi, 2022), Orang Kurang Upaya (OKU) dapat ditafsirkan sebagai; "...seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Di samping itu, dalam seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008 pula mendefinisikan OKU sebagai; "...termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat" (Akta Orang Upaya 2008).

Hakikatnya berkemungkinan lebih ramai lagi OKU di negara ini yang masih belum berdaftar memandangkan pendaftaran OKU adalah secara sukarela dan tidak diwajibkan di Malaysia (Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya & Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022). Pelbagai inisiatif dan usaha diambil untuk membantu kelangsungan kehidupan mereka.

Namun begitu, pada hakikatnya bukan semua usaha yang diambil dalam menyediakan kemudahan dan fasiliti dapat mengurangkan rintangan yang dihadapi oleh mereka (Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya & Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022).

Pada masa yang sama, Orang Kurang Upaya (OKU) juga dikatakan mempunyai tahap sosio-ekonomi yang rendah berbanding individu bukan OKU. Ini adalah disebabkan akibat daripada kesukaran akses kepada kesihatan, pengangkutan, pendidikan, pekerjaan dan maklumat (Chan & Zoellick 2011) terutamanya di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia (Shakespeare 2012). OKU juga terpaksa berhadapan dengan kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan. Walaupun Malaysia telah memperkenalkan pelbagai insentif dan polisi untuk menggalakkan OKU bekerja, namun kajian mendapati jumlah OKU yang bekerja masih rendah (Ramakrishnan 2007; Mubarak 2006; Faridah 2003).

Malah, menurut Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya dan Muhammad Muqris Alif Zairiasdi (2022) dengan jelas dalam Akta Orang Kelainan Upaya (OKU) yang telah dikuat kuasa pada tahun 2008 menunjukkan komitmen negara untuk membantu golongan orang kelainan upaya (OKU) dari segenap sudut termasuk mengiktiraf kepentingan kebolehcapaian orang kelainan upaya (OKU) terhadap kompetensi persekitaran dari aspek; fizikal, sosial, ekonomi dan budaya, kesihatan dan pendidikan serta maklumat dan komunikasi yang membolehkan golongan ini mengambil bahagian serta melibatkan diri secara penuh dan berkesan dalam masyarakat (Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Sridevi Thambapillay & Ahmad Saufi Abdul Rahman 2022).

Selanjutnya, hak Orang Kurang Upaya (OKU) juga tidak boleh dilihat secara berasingan dengan mana-mana prinsip hak asasi manusia. Hak asasi manusia dalam perspektif yang lebih luas telah menjadi semakin penting dalam dunia hari ini. Akta ini telah berjaya menukar konsep kebajikan kepada konsep hak bagi golongan OKU di Malaysia (Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Sridevi Thambapillay & Ahmad Saufi Abdul Rahman 2023). Maka dengan adanya akta ini dan pemahaman prinsip hak asasi manusia, pemerikasaan ekonomi wanita OKU dapat diselaraskan tanpa prejudis dan diskriminasi serta dilaksanakan dengan sama rata dengan mana-mana individu sihat di Malaysia

(Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya & Muhammad Muqris Alif Zairiasdi 2022).

Fenomena pengangguran dalam kalangan OKU di Malaysia boleh dijelaskan oleh dua faktor utama. Pertama, pekerja OKU terpaksa berhadapan dengan sikap negatif dan diskriminasi majikan (Ramakrishnan 2007; Faridah 2003). Majikan didapati mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sangat terhad tentang isu-isu OKU sehingga menyebabkan mereka enggan menggajikan pekerja OKU (Tiun, Lee & Khoo 2011). Kedua, bangunan dan persekitaran kerja yang tidak mesra OKU juga menjadi penghalang utama kepada OKU untuk mendapat peluang pekerjaan. Wanita kurang upaya pula menghadapi lebih kesukaran untuk mendapat peluang pekerjaan bukan hanya disebabkan oleh ketidakupayaan fizikal tetapi juga oleh faktor gender. Wanita kurang upaya menghadapi diskriminasi yang signifikan dari segi pelantikan pekerjaan, penilaian pencapaian kerjaya, halangan fizikal di tempat kerja, kurang sokongan daripada majikan dan kurangnya pemahaman mengenai isu ketidakupayaan oleh majikan (Aizan Sofia & Jamiah 2015; Faridah 2003) berbanding lelaki kurang upaya (Dhungana 2006; Kiani 2009; Zhang 2007; Nagata 2003). Bukan setakat wanita OKU sahaja, tetapi juga ekonomi wanita secara amnya perlu diberi suntikan dan galakan bagi memastikan golongan ini juga dapat membantu pembangunan sosioekonomi negara (Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah 2023).

Kebergantungan kepada pekerjaan bermajikan atau istilah makan gaji juga sangat tinggi dan masih menjadi keutamaan OKU walaupun peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka adalah terhad. Manakala kecenderungan keusahawanan atau membina pekerjaan sendiri masih kurang mendapat sambutan bagi OKU terutamanya dalam kalangan wanita. Sehubungan itu kajian ini signifikan dalam meneroka kecenderungan keusahawanan dalam kalangan wanita kurang upaya. Kajian ini dijalankan untuk meneroka cabaran yang sering dihadapi oleh wanita kurang upaya fizikal dalam melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan dan bagaimana mereka boleh dibantu melalui Model Pemerkasaan Ekonomi (Keusahawanan) yang sesuai dengan keperluan mereka.

Terdapat pelbagai terma yang digunakan untuk merujuk definisi Orang Kelainan Upaya (OKU). OKU dapat didefinisikan sebagai seseorang yang

mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera dan apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin menyebabkan mereka tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2016). Manakala mengikut *World Health Organization* (WHO), OKU merujuk kepada individu yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya akibat kekurangan keadaan fizikal atau mental yang boleh berlaku sebelum atau selepas kelahiran. Sebelum ini, OKU sering digambarkan dengan pandangan yang negatif. Mereka diibaratkan seperti seorang individu yang tidak sempurna kesihatannya kerana memerlukan rawatan dan pertolongan fizikal.

Namun begitu, tidak semua yang tergolong dalam kumpulan ini lemah, bahkan terbukti mereka mampu berdikari dalam sesetengah bidang sebagaimana insan yang sempurna akal dan fizikal. Menurut Shalini dan Wee (2013), OKU boleh dibahagikan kepada tiga kategori khas iaitu individu yang tidak memiliki keupayaan mental, individu yang mempunyai masalah kestabilan emosi yang memerlukan perhatian khas, serta individu yang mempunyai ketidakupayaan fizikal dan memerlukan perhatian khas. Ketidakupayaan fizikal merangkumi buta atau pandangan terhalang, pekak atau kesukaran mendengar dan apa-apa jua kecacatan anggota. Razhiyah (2006) pula mngelaskan OKU mengikut masalah yang dihadapi iaitu masalah akal, masalah pendengaran, masalah penglihatan, masalah anggota dan masalah pembelajaran. Golongan OKU dapat diklasifikasikan dengan lebih tepat lagi kepada tujuh kategori iaitu OKU kurang upaya penglihatan, pendengaran, anggota, mental, pertuturan, pembelajaran dan pelbagai iaitu lebih daripada satu ketidakupayaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016).

Di Malaysia, OKU menjadi salah satu golongan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kesejahteraan orang kelainan upaya sentiasa dititik beratkan. Pihak JKM secara optimisnya telah menyediakan pelbagai perkhidmatan dan juga bantuan untuk golongan OKU bagi menjalani hidup dengan lebih mudah. Antara bantuan dan perkhidmatan tersebut ialah alat tiruan atau alat sokongan, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan perkhidmatan institusi yang menyediakan perkhidmatan jagaan, latihan serta peluang

pekerjaan kepada OKU. Bagi merealisasikan peluang pekerjaan yang holistik sesuai keperluan kelompok sasar, golongan OKU mendapat perhatian khusus bagi latihan pekerjaan di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung (JTKSM). Program dibangunkan dengan matlamat menyediakan kemudahan, bantuan, pendidikan, latihan vokasional dan saluran pekerjaan bagi menangani masalah pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan OKU. Namun tahap kebolehpkerjaan OKU di Malaysia masih rendah (Aizan & Jamiah, 2015). Senario kebolehpkerjaan (*employability*) OKU di Malaysia menunjukkan bahawa OKU berdepan dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan.

#### SENARIO KEBOLEHPEKERJAAN OKU

Kajian yang dilakukan oleh Aizan & Jamiah (2015), Ramakrishnan (2007) dan Mubarak (2006) mendapati jumlah OKU yang bekerja amat sedikit. Kajian mendapati senario ini berpunca daripada tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan majikan tentang pemeriksaan OKU sehingga menyebabkan mereka enggan mengambil OKU bekerja (Tiun et al. 2011). Selain itu, Aizan dan Jamiah (2015) mendapati bahawa OKU fizikal juga berdepan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan ketidakupayaan mereka disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang tidak kondusif terutamanya bagi pengguna kerusi roda. Diskriminasi pekerjaan menyebabkan OKU tidak dapat bersaing secara sihat dengan golongan normal dalam mencari pekerjaan. Hal ini menyebabkan ramai golongan tersebut lebih cenderung memilih untuk bekerja sendiri terutamanya menceburkan diri dalam keusahawanan kecil-kecilan (Kasperova 2011).

#### KEUSAHAWANAN DAN CABARAN OKU FIZIKAL MEMULAKAN PERNIAGAAN

Keusahawanan telah diakui sebagai salah satu medium yang dapat memacu ekonomi sebuah negara (Gree & Thurnik 2003). Falch dan Hernaes (2012) menjelaskan bahawa keusahawanan dianggap sebagai medium untuk keluar daripada jurang kemiskinan dan meningkatkan pemeriksaan wanita kurang upaya. Terdapat banyak kajian

lepas yang mengkaji pemeriksaan wanita dalam bidang ekonomi (Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Abdul Aziz 2012 ; Noor Camelia Mohamed Noor 2015; Nor Hayati Sa'at 2015). Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Abdul Aziz (2012) membincangkan tentang peranan wanita sebagai isteri dan ibu dalam membantu menambah pendapatan melalui penglibatan dalam Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW) Dapatan yang diperolehi melalui kaedah survei dan temu bual menunjukkan bahawa penglibatan dalam KEW mampu membantu menambahkan pendapatan dan menjana ekonomi keluarga bahkan turut memperkasa wanita melalui pengalaman kerja serta latihan yang diperolehi. Hasil daripada kajian turut menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam keupayaan membuat keputusan bagi hal rumahtangga dan kawalan ke atas aset keluarga dalam kalangan responden yang dikaji. Responden merasakan berlakunya peningkatan dari segi keupayaan mobiliti dan autonomi disebabkan daripada penglibatan mereka dalam aktiviti keusahawanan. Walau bagaimanapun, perbezaan sedikit ketara apabila tumpuan diberikan kepada keusahawanan wanita OKU.

Ekonomi merupakan salah satu daripada platform memperkasakan peranan wanita OKU dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Kitching (2014) berpendapat bahawa golongan orang kurang upaya berhadapan dengan halangan tertentu untuk memasuki bidang keusahawanan dan mengekalkannya. Kajian yang dilakukan oleh Maziriri & Madinga (2016) ke atas usahawan OKU fizikal di Afrika Selatan mendapati cabaran yang menjadi halangan kepada usahawan tersebut terdiri daripada kekurangan pendidikan dan latihan, kekurangan akses kepada pembiayaan, sokongan kerajaan yang tidak mencukupi dan kekurangan peralatan perniagaan. Alexander dan Morgan (2005) mengatakan bahawa golongan normal pada kebiasaannya mempunyai pandangan negatif tentang orang kurang upaya dan menetapkannya sebagai lebih rendah daripada orang lain. Diskriminasi wujud apabila usahawan OKU berdepan cabaran ketidaksamarataan sosial akibat usahawan bukan OKU memandang rendah kepada kapasiti, sumber dan resiliensi mereka. Malah ketidakupayaan fizikal juga membawa bersama isu pendidikan rendah dalam kalangan OKU. Apabila kurang pendedahan, mobiliti sosial, pendidikan dan latihan (Choto et al. 2014), OKU cenderung terbatas dalam keusahawanan serta pertumbuhan



ekonomi untuk margin yang lebih luas. Beberapa pengkaji seperti Peter Foo & Ferlis Bahari (2014); Dhar & Farzana (2017); Caldween et al. (2016) dan Wanjiku Mwangi (2013) mencadangkan perlunya penerokaan lebih lanjut berkenaan cabaran OKU wanita dalam memulakan perniagaan. Analisa literatur kajian terdahulu menjadi justifikasi lebih banyak kajian penerokaan yang sama dijalankan ke atas OKU wanita seperti mana yang dijalankan dalam kajian ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk meneroka cabaran wanita OKU melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan.

## METODOLOGI

Kajian ini direkabentuk secara *grounded theory* menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai 39 orang informan telah ditemubual secara berkumpulan melalui kaedah *Focus Group Discussion* (FGD) di empat zon Semenanjung Malaysia iaitu Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Bagi Zon Utara 10 orang wanita OKU fizikal telah ditemubual (sembilan orang di Kedah dan seorang di Pulau Pinang); Zon Timur seramai 11 informan (tujuh orang di Pahang dan empat orang di Terengganu); Zon Tengah seramai empat informan (empat orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); Zon Selatan seramai 14 informan (12 orang di Johor dan dua orang di Negeri Sembilan). Pemilihan informan dilakukan secara bertujuan dengan mendapatkan senarai nama penerima skim bantuan 2 Years Exit Policy (2YEP) bagi tahun 2016-2017 di empat zon yang dipilih. Pemilihan zon adalah berdasarkan perbincangan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengikut kriteria informan yang telah ditetapkan. Semua informan yang dipilih masih menjalankan peniagaan.

Kriteria pemilihan informan adalah seperti berikut :

1. wanita kurang upaya fizikal
2. mendapat bantuan kewangan daripada KPWK/JKM menerusi Geran Pelancaran (GP) atau mana-mana geran berkaitan yang diterima untuk memulakan perniagaan
3. masih terlibat dalam aktiviti keusahawanan (sebarang bentuk perniagaan)

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### PROFIL INFORMAN

Setelah pengumpulan data dijalankan, seramai 34 orang informan berjaya ditemubual secara berkumpulan melalui kaedah *Focus Group Discussion* (FGD) di empat zon Malaysia iaitu Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Bagi Zon Utara 10 orang wanita OKU fizikal telah ditemubual (lapan orang di Kedah & satu orang di Pulau Pinang) ; Zon Timur seramai sembilan informan (lima orang di Pahang & empat orang di Terengganu) ; Zon Tengah seramai empat informan (empat orang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) ; Zon Selatan seramai 13 informan (11 orang di Johor & dua orang di Negeri Sembilan). Umur informan adalah daripada 27 tahun sehingga 63 tahun dan purata usia mereka adalah 38 tahun 11 bulan.

Terdapat 29 orang informan yang terdiri daripada bangsa Melayu dan beragama Islam, dua berbangsa Cina beragama Buddha serta dua orang informan India dan beragama Hindu. Bagi status perkahwinan daripada 34 orang informan yang ditemubual, 20 orang informan berkahwin, 10 orang informan masih bujang dan empat orang berstatus ibu tunggal. Sebilangan besar informan iaitu seramai 15 orang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hasil analisis profil juga menunjukkan seramai 16 orang telah mengikuti kursus kemahiran dan berjaya memiliki sijil kemahiran yang diiktiraf. Majoriti informan mempunyai sijil kemahiran dalam jahitan dan rekaan fesyen iaitu seramai 10 orang, 2 orang mempunyai sijil dalam bakeri dan rawatan wajah, solekan serta pengurusan spa. Selain itu, terdapat seorang informan yang mempunyai sijil masakan dan seorang informan lagi mempunyai sijil dalam kursus makanan sejuk beku. Informan yang terlibat dalam kajian ini juga dibahagikan mengikut kategori ketidakupayaan. Majoriti informan iaitu seramai 16 orang mempunyai ketidakupayaan kaki, sembilan orang dengan ketidakupayaan anggota tangan, empat orang mempunyai masalah tulang belakang dan saraf, dua informan kerdil, dua ketidakupayaan kaki dan tangan serta seorang informan dengan ketidakupayaan pelbagai iaitu fizikal dan pertuturan.

Data perniagaan terkini adalah data yang menunjukkan bilangan informan mengikut perniagaan yang dijalani oleh mereka ketika sesi pengumpulan data dilakukan. Paling ramai informan

menjalankan perniagaan berasaskan makanan iaitu seramai 15 orang diikuti sembilan orang dalam bidang jahitan dan dua orang menjalankan perkhidmatan solekan dan dandan. Seterusnya bagi perniagaan pakaian, aksesori wanita, kedai runcit, produk kecantikan dan produk kesihatan terdapat hanya seorang informan yang terlibat bagi setiap jenis perniagaan. Walaubagaimanapun, terdapat tiga orang informan yang telah menutup perniagaan mereka ketika ditemubual ringkas susulan (follow up) melalui panggilan telefon dilakukan pada bulan Disember 2018 atas faktor kekurangan modal, tiada pelanggan dan masalah kesihatan.

Bagi memudahkan proses analisis data, pengkaji telah membuat pengkelasan tempoh pengalaman berniaga. Menerusi data yang diterima, terdapat 19 orang informan yang berpengalaman menjalankan perniagaan bagi tempoh selama 1-5 tahun. Seterusnya, terdapat enam orang informan yang berpengalaman dalam perniagaan dengan tempoh yang paling lama iaitu 16-20 tahun.

Kesemua informan menerima pelbagai bantuan untuk menjalankan perniagaan sama ada daripada dana pihak kerajaan ataupun bukan kerajaan. Seramai 34 orang informan pernah menerima bantuan perniagaan *2 Years Exit Policy (2YEP)* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 32 orang informan merupakan penerima elaun pekerja cacat (EPC). Selain itu, seramai lapan orang informan menjalankan perniagaan dengan membuat pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), lima orang informan membuat pinjaman daripada TEKUN dan lima informan lagi mendapat geran daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Data juga menunjukkan terdapat seramai tiga orang informan memulakan perniagaan dengan bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan tiga orang informan mendapat bantuan zakat. Seterusnya, daripada jumlah informan yang terlibat, seorang informan mendapat bantuan daripada Baitulmal, seorang mendapat bantuan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan seorang lagi mendapat bantuan daripada *Rubber Industry Smallholders Development Authority* ataupun RISDA. Pengkaji turut bertanya kepada para informan jumlah pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan yang dijalankan. Seramai 11 orang informan memperoleh pendapatan purata RM100.00 - RM500.00 sebulan, lapan orang informan memperoleh pendapatan antara RM600.00 - RM1000.00 sebulan dan tujuh orang

informan mendapat antara RM1100.00 - RM1500.00 setiap bulan. Seterusnya tiga orang informan lagi menjana pendapatan sebanyak RM1600.00 - RM2000.00 sebulan dan dua orang lagi mendapat antara RM2600.00 - RM3000.00 sebulan.

## CABARAN MEMULAKAN PERNIAGAAN

Hasil analisis tematik menunjukkan terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi oleh informan semasa memulakan perniagaan iaitu: kurang akses kepada maklumat, implikasi ketidakupayaan fizikal dan dwi-peranan seperti diterangkan dalam gambar rajah di bawah.


Majoriti usahawan yang ditemui menyatakan pada peringkat memulakan perniagaan, mereka kurang mendapat akses kepada maklumat seperti maklumat berkaitan bantuan modal, latihan kemahiran, pemasaran dan prosedur kerja permohonan bantuan. Semua nama informan kajian telah ditukar kepada nama samaran untuk melindungi identiti mereka, kecuali umur dan jenis perniagaan yang dijalankan ketika ditemubual. Sebagai contoh Lolita menyatakan:

Saya terpaksa mintak bantuan daripada kebajikan. Ada kadang-kadang saya tak tau, saya information kurang sikit la. sebab saya online semua saya tak pandai (Lolita, 47, makanan)

Antara cabaran yang dikenalpasti sangat signifikan dengan keadaan OKU adalah apabila mereka tiada kenderaan sendiri dan tiada premis bersesuaian serta premis tetap untuk berniaga. Informan didapati tiada maklumat tentang bantuan penyediaan atau sewaan premis serta cara mendapatkan kemudahan pengangkutan tetap untuk memasarkan produk. Ramai wanita juga menyatakan mereka kurang mengetahui tentang kemahiran perniagaan dan peluang-peluang latihan kemahiran yang boleh mereka hadiri untuk menambah pengetahuan serta kemahiran dalam perniagaan, seperti mana dinyatakan oleh Pauziah dan Tina:

Macam mana buat bil kan.. kalau kita buat bil akak kurang.. kurang faham sikit. Haa yang tu tak berapa nak cepak lagi.. atau macam mana yang bedak sejuk ni macam sticker.. kad apa semua.. akak tak tahu buat (Pauziah, 53, produk kecantikan)

Saya tak tahu kalau ada kursus-kursus ke yang boleh hadir. Kita memang kurang kemahiran. Nak urus perniagaan bagi berkembang semua (Tina, 39, makanan)



RAJAH 1. Cabaran memulakan perniagaan: Kurang akses maklumat

Informan mengakui cabaran wujud kerana mereka tidak mendapat kursus khas sebelum memulakan perniagaan. Kursus hanya diberikan selepas mereka mendapat Geran Pelancaran oleh pihak JKM iaitu selepas perniagaan berjalan.

Selain itu ramai informan mengakui bahawa mereka tidak mempunyai asas pengetahuan berkaitan pemasaran yang menyukarkan mereka untuk memasarkan produk dan meningkatkan hasil jualan. Ada informan yang tidak mempunyai kenderaan sendiri menyebabkan mereka sukar untuk memasarkan produk atau perkhidmatan mereka:

Saya tak ada kenderaan. Naik bas akak pergi hantar. Jadi masa banyak habis menunggu (Pauziah, 53, produk kecantikan)

Hidayah dan Linda pula mengatakan mereka tidak tahu bagaimana untuk memasarkan produk mereka dengan berkesan:

Cabarannya macam mana kita nak ketengahkan produk yang kita jual ni..kita tak tahu..takde asas lagi masa tu..zero kan..macam mana nak ketengahkan produk yang kita jual ni nak bagi orang tahu..nak marketing produk kita. Saya masih kurang pengetahuan macam mana nak pasarkan lagi..sentiasa nak pastikan sales tu selalu meningkat jangan menurun..haaa..kena sentiasa cari ilmu (Hidayah, 36, makanan)

Saya cuma nak tu je la, saya bila dah habis fikir dah. Tempahan pun macam tu jugak. Kita meniaga daripada dulu sampai sekarang maintain je. Tak ada naik, kalau ada naik sekejap turun balik kan. Jadi kita tak tau macam mana. Sekarang ni fikiran saya, saya kata saya nak belajar buat online (Linda, 52, makanan)

Ada informan juga menyatakan mereka mengalami cabaran dalam memulakan perniagaan kerana kurang maklumat berkaitan prosedur kerja permohonan bantuan seperti kata Halimah:

Pada permulaan proses nak minta tu..biasala kena ikut prosedur apa semua..nak kira susah sangat tu takde jugak tapinya kita kena banyak main surat ..kena banyak mohon sana mohon sini daripada pejabat-pejabat. Banyak nak kena cari sendiri (Halimah, 29, makanan)


Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti wanita yang mengikuti *2 Years Exit Programme (2YEP)* anjuran JKM masih kurang diberi pendedahan tentang maklumat i) bantuan modal oleh pemegang taroh, ii) bantuan latihan kemahiran, iii) pemasaran produk perniagaan dan iv) prosedur kerja permohonan bantuan modal memulakan perniagaan. Penemuan kajian ini menunjukkan informan mengalami kesukaran

dalam memulakan perniagaan apabila kurang akses kepada maklumat. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Maziriri dan Madinga (2016) ; Fatoki dan Garwe, (2010) ; Pretorius dan Shaw (2004) serta Atieno (2009) yang turut menemui cabaran utama OKU memulakan perniagaan berpunca daripada terbatasnya akses maklumat mendapatkan modal permulaan, pendidikan, latihan dan kemahiran berniaga.

Selain itu, adalah dijangkakan apabila tiadanya pengetahuan asas perniagaan, usahawan OKU juga terbatas dalam akses berkenaan bantuan perundangan serta perundingan perniagaan. Oleh itu, langkah proaktif perlu dilakukan oleh agensi

penyedia bantuan seperti JKM untuk menyalurkan maklumat yang lengkap dan memberi pendedahan yang bersesuaian kepada wanita OKU yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Latihan atau bimbingan awal dan pendedahan tentang aspek perniagaan, bantuan modal, pemasaran dan sumber-sumber sokongan yang ada disekitar klien harus diberikan terlebih dahulu sebelum klien mengikuti program 2YEP.

Seterusnya ramai wanita OKU yang dikaji mengakui mereka kurang yakin memulakan perniagaan kerana faktor fizikal tubuh badan mereka. Rata-rata informan menceritakan pengalaman distigmakan akibat kecacatan fizikal. Mereka



RAJAH 2. Cabaran memulakan perniagaan: Implikasi ketidakupayaan fizikal

kurang mendapat sokongan keluarga, komuniti malah ketua komuniti di tempat mereka terutamanya pada awal pembabitan dalam perniagaan. Sokongan sukar diperoleh akibat rasa kurang percaya kepada kebolehan OKU yang dikatakan terbatas keupayaan fizikal khusus untuk mobiliti dalam mendapatkan pelanggan (*outreach*) serta memasarkan produk seperti dikongsikan oleh Niah dan Jannah:

Masa mula-mula tu kita baru lagi..diorang macam tak yakin. Yela kita kan OKU lepas tu baru mula nak ambil tempahan. Orang belum kenal (Niah, 33, jahitan)

Masa mula-mula menjahit, orang kutuk saya dia tanya siap-siap nak kemana.. padahal saya ni pergi kedai untuk menjahit. Tapi diaorang sangkakan saya ni pergi tempat lain.. Lepas tu bila saya dah dapat mesin.. saya dah ada mesin jahit.. saya duduk


rumah dia tanya pula.. pergi mana.. tak Nampak pun.. cagak eh. Aku duduk rumah kau bising.. aku keluar kau bising.. macam mana? (Jannah, 41, jahitan)

Apabila sokongan sosial tidak diperolehi dengan mudah, maka informan menjadi bertambah ragu-ragu untuk menguruskan perniagaan. Malah infroman turut melaporkan adanya ahli komuniti atau pelanggan yang meragui mutu barangan atau perkhidmatan hanya kerana ketidakmampuan fizikal mereka. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Uromi & Mazagwa, (2015) ; Choto et al. (2014) dan Alexander & Morgan (2005). Cabaran seperti ini boleh melemahkan semangat dan motivasi wanita OKU untuk menceburi bidang keusahawanan dan mereka memerlukan bimbingan serta sokongan



berterusan daripada pelbagai pihak seperti JKM, ahli keluarga, rakan-rakan serta jiran dan pemimpin komuniti mereka sendiri.

Bagi OKU wanita yang berkahwin serta mempunyai anak, faktor pelbagai peranan turut menjadi cabaran awal semasa memulakan perniagaan. Informan perlu membahagi masa



RAJAH 3. Cabaran memulakan perniagaan: Dwi-peranan

menguruskan keluarga, menjaga anak dan berniaga dalam keadaan kurang upaya fizikal (Aizan, Jamiah & Noremy, 2016). Pergerakan dan mobiliti dalam keadaan memegang dwi-peranan sebagai isteri dan ibu ini telah menghadkan tumpuan sepenuh masa kepada perniagaan dan membataskan pembentukan jaringan pasaran yang lebih luas khususnya di peringkat awal memulakan perniagaan. Menurut Wanjiku Mwangi (2013), OKU fizikal bekerja sendiri, mempunyai lebih motivasi dan berjaya menjalankan perniagaan apabila suasana persekitaran bebas daripada batasan yang menyekat pembentukan jaringan, cukup sumber sokongan sosial untuk berkongsi peranan (Dhar & Farzana, 2017 ; Caldween et al. 2016 ; Wanjiku Mwangi, 2013) dan memecah kekangan dalam menguruskan keluarga. Cabaran pelbagai peranan yang dihadapi oleh usahawan wanita OKU boleh dilihat dalam dilema yang dikongsikan oleh Tania dan Thoibah:

Kadang kursus ada. Memang saya pun nak pergi. Nak tu memang nak pergi. Tapi masalah ni lah kata, anak sekolah tak ada orang ambil (Tania, 39, makanan)

Saya ada masalah dengan anak sayalah. Anak saya mengidap penyakit paru-paru berair. Asma yang teruklah. Nak jaga anak lagi (Thoibah, 28, makanan)

Peranan wanita sebagai isteri dan ibu malah sebagai anak perempuan kepada ibu bapa mereka merupakan aspek yang penting bagi kehidupan

seorang wanita Asia dan tidak terkecuali OKU (Aizan, Jamiah & Noremy, 2016). Oleh itu, pihak keluarga boleh membantu dalam memudahkan wanita OKU menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan perniagaan dalam masa yang sama. Sebagai contoh, pasangan atau ahli keluarga wanita OKU boleh membantu dalam penjagaan anak, menyediakan insentif atau elaun khas bagi menampung penjagaan anak wanita OKU di pusat asuhan atau menggalakkan lebih banyak penyediaan bantuan penjagaan anak yang terlatih dan profesional dalam komuniti setempat bagi membantu wanita OKU yang terlibat dalam keusahawanan.

Penemuan kajian ini menunjukkan informan mengalami kesukaran dalam memulakan perniagaan apabila kurang akses kepada maklumat. OKU wanita yang ditemubual mengakui akses kepada bantuan kewangan menjadi terbatat kerana kurangnya maklumat tentang i) bantuan modal oleh pemegang taroh, ii) bantuan latihan kemahiran, iii) pemasaran produk perniagaan dan iv) prosedur kerja permohonan bantuan modal memulakan perniagaan. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Maziriri dan Madinga (2016) ; Fatoki dan Garwe, (2010) ; Pretorius dan Shaw (2004) serta Atieno (2009) yang turut menemui cabaran utama OKU memulakan perniagaan berpunca daripada terbatasnya akses maklumat mendapatkan modal permulaan, pendidikan, latihan dan kemahiran berniaga. Antara cabaran yang dikenalpasti sangat signifikan

dengan keadaan OKU adalah apabila mereka tiada kenderaan sendiri dan tiada premis bersesuaian serta tetap untuk berniaga. Ini didapati kerana informan tiada maklumat kepada bantuan penyediaan atau sewaan premis serta cara mendapatkan kemudahan pengangkutan tetap untuk memasarkan produk. Bagi latihan pula, informan mengakui cabaran wujud kerana mereka tidak mendapat kursus khas sebelum memulakan perniagaan. Kursus hanya diberikan selepas mereka mendapat Geran Pelancaran oleh pihak JKM iaitu selepas perniagaan berjalan. Selain itu, adalah dijangkakan apabila tiadanya pengetahuan asas perniagaan, usahawan OKU juga terbatas dalam akses berkenaan bantuan perundangan serta perundingan perniagaan,

Seterusnya OKU yang dikaji mengakui mereka kurang yakin memulakan perniagaan kerana faktor fizikal tubuh badan mereka. Rata-rata informan menceritakan pengalaman distigmakan akibat kecacatan fizikal. Mereka kurang mendapat sokongan keluarga, komuniti malah ketua komuniti di tempat mereka terutamanya pada awal pembabitan dalam perniagaan. Sokongan sukar diperolehi akibat rasa kurang percaya kepada kebolehan OKU yang dikatakan terbatas keupayaan fizikal khusus untuk mobiliti dalam mendapatkan pelanggan (*outreach*) serta memasarkan produk. Apabila sokongan sosial tidak diperolehi dengan mudah, maka informan menjadi bertambah ragu-ragu untuk menguruskan perniagaan. Malah informan turut melaporkan adanya ahli komuniti atau pelanggan yang meragui mutu barangan atau perkhidmatan hanya kerana ketidakmampuan fizikal mereka. Penemuan ini selari dengan kajian oleh Uromi & Mazagwa, (2015); Choto et al. (2014) dan Alexander & Morgan (2005).

Bagi OKU wanita yang berkahwin serta mempunyai anak, faktor dwi peranan turut menjadi cabaran awal semasa memulakan perniagaan. Informan perlu membahagi masa menguruskan keluarga, menjaga anak dan berniaga dalam keadaan kurang upaya fizikal. Pergerakan dan mobiliti dalam keadaan memegang dwi-peranan ini telah menghadkan tumpuan sepenuh masa kepada perniagaan dan membataskan pembentukan jaringan pasaran yang lebih luas khususnya di peringkat awal memulakan perniagaan. Menurut Wanjiku Mwangi (2013), OKU fizikal bekerja sendiri, mempunyai lebih motivasi dan berjaya menjalankan perniagaan apabila suasana

persekitaran bebas daripada batasan yang menyekat pembentukan jaringan, cukup sumber sokongan sosial untuk berkongsi peranan (Dhar & Farzana, 2017; Caldween et al. 2016; Wanjiku Mwangi, 2013) dan memecah kekangan dalam menguruskan keluarga.

## KESIMPULAN

OKU wanita yang memulakan perniagaan berhadapan dengan cabaran kekurangan akses maklumat, latihan dan kemahiran berniaga disamping stigma akibat ketidakupayaan fizikal. OKU fizikal juga berhadapan bebanan dwi-peranan khususnya bagi yang berkeluarga. Penerokaan cabaran memulakan perniagaan bagi OKU wanita sebenarnya mengaplikasikan konsep pemeriksaan dalam meningkatkan kebolehcapaian keusahawanan OKU. Satu Model Pemeriksaan Usahawan Wanita Kurang Upaya Fizikal telah dibentuk dalam kajian ini berpandukan kepada analisis data empirikal daripada empat zon di Malaysia iaitu Zon Utara, Timur, Barat dan Selatan. Pemeriksaan OKU mengetengahkan bagaimana dinamika individu dan persekitaran yang menyokong menerusi dasar dalam pemberian bantuan modal atau geran boleh mengetengahkan kapasiti mereka untuk memulakan perniagaan. Kajian ini juga telah mencadangkan supaya kajian lanjutan dilakukan untuk membentuk empat Modul Latihan Pemeriksaan Usahawan Wanita OKU Fizikal merangkumi; i- Modul Berdaya Tahan (*resilient*), ii- Modul Keazaman Diri (*self-determination*), iii- Modul Berani Mengambil Risiko (*risk-taker*) dan iv- Modul Peluang (*opportunity*) yang dijangka dapat memperkasakan usahawan wanita OKU fizikal di negara ini dengan lebih berkesan. Secara ringkasnya, usahawan wanita kurang upaya fizikal mempunyai potensi untuk diperkasakan dalam menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan dengan sokongan padu semua pihak termasuk keluarga, agensi kerajaan, pihak swasta, pemimpin komuniti dan masyarakat secara keseluruhannya. Strategi yang praktikal khususnya dalam pembinaan kapasiti OKU fizikal seperti kekuatan, sumber dan resiliensi boleh bertindak sebagai agen perubahan untuk mengenalpasti elemen ketidaksamarataan peluang perniagaan dan seterusnya membantu berhadapan cabaran seperti yang dikenalpasti menerusi kajian ini.

## PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik dari Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra) ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas geran penyelidikan Pemerkasaan Ekonomi Wanita Kurang Upaya (PKW-2018-001).

## RUJUKAN

- Aizan Sofia Amin & Jamiah Manap. 2015. Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 11(7) :82 – 91.
- Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap & Noremy Md Akhir. 2016. Peranan keluarga dalam kehidupan kanak-kanak kurang upaya Malaysia. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara* 86(1) :21 - 30.
- Akta Orang Kurang Upaya. 2008.
- Alexander, M., & Morgan, R. 2005. The Employers perception: Employment of individuals with developmental disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation* 23(1): 39-49.
- Atieno, R. 2009. Linkages, access to finance and the performance of small-scale. research paper. Institute for Development Studies, Nairobi. University of Nairobi.
- Budeli, M.C. 2012. Barriers and coping capacities experienced by people living with disability in the Nzhelele area of Limpopo province. Magister Artium thesis. (Unpublished Thesis). University of Johannesburg.
- Caldween, K., Parker, S. & Renko, M. 2016. Social entrepreneurship with disabilities: Exploring motivational and attitudinal factors.
- Chan, M. & Zoellick, R. B. 2011. Preface. In *WHO: World Report on Disability*. Geneva: World Health Organization, xi.
- Charmilaa Krishnamoorthi. 2021. Kemudahan awam bagi orang kurang upaya (OKU) di Malaysia: Suatu kajian sosial perundangan. Kertas Projek. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya & Muhammad Muqris Alif Zairiasdi. 2022. Adakah penyediaan kemudahan awam untuk orang kurang upaya di Malaysia mencukupi? Satu tinjauan sosio-perundangan ringkas. *Journal of Muwafakat* 5(2): 73-85.
- Choto, P., Tengeh, R. K. & Iwu, C.G. 2014. Daring to survive or to grow? The growth aspirations and challenges of survivalist entrepreneurs in South Africa. *Environmental Economics* 5(4): 93-101.
- Dhar, S. & Farzana, T. 2017. Entrepreneurship with disabilities in Bangladesh: An exploratory study on their entrepreneurial motivation and challenge. *European Journal of Business and Management* 9(36).
- Dhungana, B.M. 2006. The lives of disabled women in Nepal: Vulnerability without support. *Disability & Society* 21(2): 133-146.
- Falch, R., & Hernaes, U.J.V. 2012. Disability, social identity, and entrepreneurship: Evidence from a laboratory experiment in rural Uganda. Master Thesis in Economics. Norwegian School of Economics.
- Faridah S.H. 2003. Career and employment opportunities for women with disabilities in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal* 1(1): 71-78.
- Fatoki, O., & Garwe, D. 2010. Obstacles to the growth of new SMEs in South Africa: A principal Component analysis approach. *African Journal of Business Management* 4(5): 729-738.
- Gree, A. & Thurnik, C. 2003. Firm selection and industry evolution: The post country performance of new firm. *Journal of Evolutionary Economics* 4(4): 243-264.
- Kasperova, E. 2011. *Entrepreneurship Identity, Disability and Embodiment*. Small business Research Centre. London: Kingston Business School.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2016. *Pelan tindakan OKU 2016-2022*. Kuala Lumpur: Penerbit MPH Group Sdn. Bhd.
- Kiani, S. 2009. Women with disabilities in the North West province of Cameroon: Resilient and deserving of greater attention. *Disability & Society* 24(4): 517-531.
- Kitching, J. 2014. Entrepreneurship and self-employment by people with disabilities. Background paper for the OECD Project on Inclusive Entrepreneurship.
- Margaret Wanjiku Mwangi. 2013. Factors that affect the success of physically challenged entrepreneurs in their business activities : A survey of municipality –Kiamba County, Kenya. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 3(1).
- Maziriri, E. T. & Madinga, N. W. 2016. A qualitative study on the challenges faced by entrepreneurs living with physical disabilities within the Sebokeng Township of South Africa. *International Journal of Research in Business Studies and Management* 3(5): 1-13.
- Mubarak A. R. 2006. Employment status, psychiatric disability and quality of life: Comparison of men and women with schizophrenia in Malaysia. *International Journal of Social Welfare* 15(3): 240-246.

- Noor Camelia Mohamed Noor. 2015. *Wanita dan Pemeriksaan : Satu Kajian Kes Penglibatan Isteri Nelayan dalam Persatuan KUNITA Sinar Mutiara di Pulau Pinang*. Universiti Sains Malaysia.
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. 2022. Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20. *Akademika* 92(3): 117-131.
- Norhayati Sa'at & Abdul Rahman Embong. 2015. Pemeriksaan golongan ibu tunggal melalui Program Usahatani Cendawan di Terengganu. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*.
- Nur Dayana Mohd Khalil, Muhammad Shaberi, Dayang Puteri Nazirah Izhar, Azizah Mat Rashid & Azizah Mohd Rapini. 2022. Analisis isu-isu berkaitan hak dan permasalahan orang kurang upaya di Malaysia: Satu sorotan literatur. *Journal of Muwafaqat* 5(1).
- Nur Hafizah Yusoff & Rahimah Abdul Aziz. 2012. Pemeriksaan wanita desa : Kajian ke atas Kumpulan Ekonomi Wanita (KEW), Kuala Teriang, Terengganu. *Malaysian Journal of Society and Space*.
- Peter Foo & Ferlis Bahari. 2014. *Cabaran Pekerjaan dan Kesan kepada Kesejahteraan Hidup OKU Penglihatan yang Berkeluarga di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah
- Pretorius, R., & Shaw, G. 2004. Business plan in bank-decision making when financing new businesses. *South Africa Journal of Economic and Management Sciences* 7(2): 221-241.
- Ramakrishnan P. 2007. Critical factors influencing employment of disabled persons in Malaysia. (PhD Dissertation). University of South Australia.
- Shakespeare, T. 2012. Disability in developing countries. In *Routledge Handbook of Disability Studies*, edited by Watson, N. et al. London: Routledge Taylor & Francis Group, 271-284.
- Shalini. S & Wee. S. T. 2011. *Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tiun, L.T., Lee, L. W. & Khoo, S. L. 2011. Employment of people with disabilities in the northern states of peninsular Malaysia: employers' perspective. *Disability, CBR & Inclusive Development* 22(1): 79-94.
- Uromi, S.M., & Mazagwa, M.I. 2015. Challenges facing people with disabilities and possible solutions in Tanzania. *Journal of Educational Policy and Entrepreneurial Research* 1(2): 158-165.
- Zhang, J. 2007. A Survey of the Needs of and Services for Persons with Physical Disability in China. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal* 18(2): 49-85.
- Zulazhar Tahir, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Sridevi Thambapillay & Ahmad Saufi Abdul Rahman. 2023. Konsep kesamarataan dan hak-hak orang kurang upaya di bawah akta orang kurang upaya 2008. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 35(2): 217–238. [http://doi.org.10.37052/kanun.35\(2\)](http://doi.org.10.37052/kanun.35(2))

Dr. Abdul Rahman Ahmad Badayai  
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra),  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 arab5487@ukm.edu.my

Dr. Aizan Sofia Amin  
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra),  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).  
 aizansofia@ukm.edu.my

Dr. Ezarina Zakaria (Corresponding author)  
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (PsiTra),  
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
 Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 ezaz@ukm.edu.my